


# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



CORAT CORET TAHUN BAHARU CINA

SEAN LEE  
&  
ANDY TEH

# SEAN LEE



Tahun Baharu Cina merupakan perayaan tradisional yang diraikan meriah oleh masyarakat Cina di seluruh dunia, menandakan permulaan tahun baharu dalam kalendar lunar serta melambangkan harapan, kemakmuran, dan kebersamaan keluarga.

Dalam semangat perayaan, Sean Lee dan Andy Teh berkongsi kenangan peribadi mereka.

## SEAN LEE RINDU MENDIANG NENEK

Di sebalik kegembiraan menyambut Tahun Baharu Cina, Sean Lee masih rindukan semangat kebersamaan dan kasih sayang mendiang neneknya yang meninggal dunia pada tahun 2021.

Jelas pengacara dan pelakon itu, ketika neneknya masih hidup, figura itu memainkan peranan penting sebagai pengikat hubungan antara ahli keluarga.

"Setakat nakal main mercun itu biasa sahaja sebab semua orang buat perkara itu. Tapi momen yang saya tak boleh lupa adalah kehadiran mendiang nenek saya.

"Dalam tradisi keluarga saya, nenek saya ibarat gam yang menyatukan semua ahli keluarga.

"Selepas nenek saya meninggal dunia, saya rasa keakraban dalam keluarga menjadi sedikit sukar untuk dipulihkan. Itu adalah perkara yang paling menyedihkan bagi saya sebenarnya," katanya kepada Gempak.

Antara momen yang paling diingati oleh pengacara itu ialah dapat berkumpul bersama keluarga di rumah neneknya untuk memasak bersama-sama sebelum menyambut perayaan tersebut.

"Apa yang paling saya suka apabila berkumpul semula dengan ahli keluarga yang lain ialah sesi memasak dan membuat persiapan untuk menyambut Tahun Baru bersama nenek saya.

"Kami kadang-kadang akan balik ke rumah nenek lebih awal untuk membantu dia memasak, walaupun dia selalu cakap jangan sibuk di dapurnya sebab hanya dia sahaja yang tahu apa yang dia nak buat. Kehadiran kami sebenarnya hanya untuk memeriahkan rumah dia.

"Momen itu adalah yang paling nostalgik untuk saya kerana saya tidak akan merasainya lagi.

"Sekarang pun masih ada sesi berkumpul di restoran, tapi kemeriahannya terasa berbeza kerana saya tidak lagi merasakan suasana rumah seperti dahulu," luahnya.  
- AINUN SYAHIRAH



# ANDY TEH

## ANDY TEH CUCI KAKI IBU BAPA, TUKAR ANG PAU

Terpacar senyuman pada wajah pelakon, Andy Teh apabila memulakan bicara mengenai Tahun Baharu Cina. Baginya, perayaan itu adalah satu momen di mana semua ahli keluarga akan balik dan berkumpul bersama.

"Kalau saya masa bersama keluarga itu paling saya nantikan kalau tahun baharu cina, sebab bukan selalu kita dapat berkumpul macam ni. Hanya setahun sekali sahaja kita dapat buat macam ni," ujarnya.

Momen mencuci kaki kedua ibu bapa dan bertukar ang pau bersama mereka adalah momen paling berharga buatnya.

"Pada hari raya itu sebelum balik ke kampung saya akan pergi ke rumah ibu bapa untuk memberi ang pau kepada ibu bapa sahaja. Dan sebelum bagi ang pau itu kita akan cuci kaki ibu dan ayah.

"Nak cakap macam ini pun saya dah rasa sebak, semasa cuci kaki itu kita akan doakan perkara yang baik-baik, dan momen itu bagi saya sangat tersentuh kerana mereka bukan makin lama makin muda." kata Andy.

Andy juga menyatakan dalam adat Cina, mereka yang belum berkahwin boleh masih boleh menerima ang pau.

Jelas Andy, meskipun umur sudah 40 tahun dia pernah menerima ang pau berjumlah RM5,000 daripada ahli keluarganya.

"Lagi satu paling best adalah dapat ang pau, sebab dalam adat kami orang yang belum berkahwin akan dapat ang pau, jadi saya masih boleh terima lagi jadi itu paling best."

"Saya rasa kalau amaun-amaun besar itu semasa saya kanak-kanak. Paling banyak saya pernah dapat ada RM5,000. Selalunya saya akan dapat paling besar daripada ibu bapa dan juga datuk nenek saya," katanya. - ASYRAF ROSLAN

## Drama Rumah Tangga & Seleleweng Duit Along Cham, Isteri ; Siapa Di Pihak Benar?

Tiba-tiba nama Along Cham popular; maaf cakap lebih popular daripada sewaktu masuk program realiti komedi beberapa tahun dahulu. Pertama kali nama Along Cham, 42, kembali menjadi 'panas' dan carian di internet selepas kes ditangkap kerana terlibat kes dadah pada Disember 2024.

Meski sewaktu kesnya mendapat liputan dan pemilik nama sebenar Muhammad Nizamudin Ahmad itu pernah berang dengan media, menghamburkan kata: "kepala otak kaulah kerja," ironi sekarang dia menggunakan pihak media massa sama ada konvensional atau digital untuk menyampaikan 'sari berita penting' yang sedang bergolak sekarang.

Kronologinya — Along Cham menceraikan isteri, Afreena Suhaimi selepas Mahkamah Sesyen di sini hari ini melepaskan tanpa membebaskannya (DNAA) daripada satu pertuduhan memiliki bahan disyaki dadah berbahaya jenis ganja, beberapa hari lalu.

Sejak itulah polemik rumah tangga Along dan Afreena Suhaimi mula terkuak. Along mendakwa wanita yang pernah menjadi isterinya sejak 4 April tahun lalu itu hamil tiga bulan sewaktu dia di dalam penjara.

"Saya dapat tahu pun perkara itu (isteri hamil) ketika berada dalam (penjara). Dia beritahu saya, tapi benda ini (soal kandungan) saya serahkan kepada Allah.

"Saya cakap (doa) dengan Allah, saya tahajud. Saya cakap pada Allah, kalau kandungan itu, zuriat itu milik saya, Engkau kekalkan. Namun, jika sebaliknya Engkau keluarkan," katanya seperti dipetik daripada Sinar Harian.

Tidak berhenti di situ, Along membuat pendedahan Afreena telah menyeleweng dana bantuan untuk mengikat jaminnya sewaktu ditahan sekitar RM100,000. Pendedahan itu disokong oleh anggota keluarga termasuk ibu dan adik perempuannya.

Namun Afreena membela pertuduhan tersebut dengan membuat laporan polis sekaligus menafikan dirinya menyeleweng dana sebanyak RM100,000 seperti didakwa. Afreena membuat laporan polis terhadap seorang individu dikenali sebagai Ika atas dakwaan menipu wang berjumlah RM95,180. Menurutnya, wang itu diserahkan dengan niat untuk membantu membebaskan suaminya daripada tahanan.

"Selesai buat laporan polis. Seleweng RM100,000? Kebenaran akan menang pada akhirnya," tulisnya yang membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang.

Dan bermodalkan polemik ini tentu sahaja akan lebih banyak kisah kain dalam serta keburukan masing-masing akan dibongkar.


Juga sebenarnya tanpa sedar membuka aib individu yang pernah dipuja, disayang, dipercayai, disandarkan harapan malah kualiti baik yang pernah ada pada pasangan — sesuatu yang hari ini menjadi semakin parah apabila cinta bertukar benci lalu diwar-warkan kepada seluruh dunia — ini tindakan tidak bijak jauh sekali matang.

- MALIAH SURIP



## 'Sambut' Cuti Sekolah Dengan Tragedi Telinga Putus, Tanah Runtuh

Cuti sekolah sudah memasuk minggu kedua dan pelbagai ragam kanak-kanak dirakamkan sepanjang percutian kali ini. Meski ramai yang menikmati cuti sekolah dengan percutian bersama keluarga, ada dalam kalangan keluarga yang berduka apabila terpaksa melalui episod sedih apabila kehilangan ahli keluarga serta melalui tragedi yang tidak dijangka.



### Adik Beradik Maut Tanah Runtuh

Seramai tiga kanak-kanak dan remaja termasuk Nur Rausy Syaqira, 8, dan Irsyad Syahiran, 15, ditemui maut selepas menjadi mangsa tanah runtuh di Kampung Lereng Bukit, Miri, Sarawak pada pagi Rabu.

Tragedi yang berpunca daripada hujan lebat berterusan sejak dua hari lalu itu mengakibatkan dua buah rumah terjejas, iaitu Lot 287A dan Lot 287B, yang menempatkan 12 penghuni keseluruhan.

Kejadian berkenaan melibatkan dua rumah di kampung berkenaan yang terletak di lereng Bukit Kanada di bandar raya Miri.

### Cuping Telinga Putus

Seorang kanak-kanak autisme berusia enam tahun kehilangan cuping telinga kiri selepas digigit seekor kuda di sebuah ladang agro di Seremban.

Insiden itu berlaku ketika dia bercuti bersama keluarganya dari Kemaman, Terengganu.

Selain digigit, kanak-kanak itu turut cedera di kepala selepas dihantuk kuda tersebut pada besi.

### Budak Berkhatan Tradisional Alami Pendarahan

Seorang wanita berkongsi pengalaman ngeri apabila anak lelakinya mengalami pendarahan serius selepas berkhatan secara tradisional tanpa bius.

Rawatan asas oleh pembantu tok mudim gagal menghentikan pendarahan dan beberapa kanak-kanak lain turut mengalami nasib sama.

Ada yang terpaksa dijahit tanpa bius, menyebabkan mereka meraung kesakitan.

Akibat kejadian itu, anak wanita tersebut menerima rawatan di Pulau Pinang dan menjalani pembedahan untuk menjahit semula luka serta membuang darah beku.

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Chen Sicheng, Dai Mo

Pelakon: Wang Baoqiang, Liu Hao Ran, Chow Yun-Fat, John Cusack

Genre: Komedi/Thriller

Pada tahun 1900-an di San Francisco, seorang wanita kulit putih dibunuh di Chinatown dan suspek utama adalah seorang lelaki Cina. Pembunuhan tersebut mengejutkan masyarakat dan mencetuskan desakan awam untuk mengharamkan Chinatown. Pengamal perubatan tradisional Cina, Qin Fu dan seorang lelaki Cina bernama Ah Gui terlibat dalam kes ini dan mereka melawan masa untuk mencari pembunuh sebenar.



Pengarah: Peiji Woo

Pelakon: Philip Keung, Jessica Hsuan, Sam Lee, Bob Lam, Jordan Voon

Genre: Komedi/Drama

Seorang taikun bisnes hebat bernama Duan Yuchen, berjuang menentang "Shadow Empire" untuk mendapatkan kembali syarikatnya dengan bantuan Su Hua yang penuh kebijaksanaan. Dengan kepandaian dan keberanian, Duan berhadapan dengan pertembungan antara keadilan dan jenayah demi memastikan keadilan sentiasa mengatasi kejahatan.



Pengarah: Wuershan

Pelakon: Huang Bo, Yu Shi, Chen Muchi, Fei Xiang, Narana Erdyneeva, Wu Hsing-Kuo

Genre: Aksi/Drama/Fantasi

Kerajaan Xiqi diserang oleh tentera Dinasti Shang. Kini, Jiang Ziya dan Ji Fa, dengan bantuan para dewa Kunlun, mesti mengumpulkan rakyat dari seluruh negara untuk mempertahankan tanah air mereka.

## Acap S, Anna Jobling, Nor Padilah Dominasi Kedudukan Semasa Top 5 GMWA2024

Pelakon jelita Anna Jobling berada di kedudukan teratas carta Top 5 Gempak Most Wanted Awards 2024 untuk kategori Selebriti Tergempak, selepas Scha Elinnea, Meerqueen, Amir Ahnaff dan Erysha Emrya.

Sementara itu, kategori Digital Creator (Lifestyle) Tergempak menyaksikan Nor Padilah berada di kedudukan pertama diikuti Amin Abid, Rasyidinneedyou, Afie dan Fikri Zamri.

Manakala Acap S di kedudukan selesa dalam kategori Digital Creator (Entertainment) Tergempak, diikuti rapat Shah Zakaria, Ryan Bakery, Kasih Iris Leona dan Steph Beauty.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian fasa kedua atau pemenang utama bagi setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.

Mengekalkan format yang sama, pemenang setiap kategori akan diumumkan pada malam anugerah GMWA 2024 kelak.

GMWA 2024 bakal berlangsung secara LIVE pada 23 Februari 2025 dari Auditorium MBSA, Shah Alam, eksklusif di saluran Astro Ria (104), On Demand, Astro GO dan sooka.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

### KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (LIFESTYLE) TERGEMPAK

- Nor Padilah
- Amin Abid
- Rasyidinneedyou
- Afie
- Fikri Zamri

### KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (ENTERTAINMENT) TERGEMPAK

- Acap S
- Shah Zakaria
- Ryan Bakery
- Kasih Iris Leona
- Steph Beauty

### KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (ESPORTS) TERGEMPAK

- Thanuk Nukk
- Kambing Golek
- Pok Ro
- Zulfikar Obot
- King Yonnyz

### KEDUDUKAN TERGEMPAK

- Nuh & Nayla
- Cinta Untuk Sekali Lagi
- Uncle Boss Mama
- Dedaun Hijau Di Angin Lalu
- Syurga Itu Bukan Mudah

**TERKINI**

**DRAMA**

The screenshot shows the official website for the Gempak Most Wanted Awards 2024. At the top, there's a navigation bar with icons for Home and Undian. The main banner features the event's name, "GEMPAK MOST WANTED AWARDS 2024", in large, stylized letters against a dark background with colorful abstract shapes. Below the banner, there's a section for logging in, with options to log in via Astro/Google/Apple/Facebook. To the right, there's information about the voting process, stating that users can vote once every 24 hours for each category. The overall design is modern and professional.

## THR GEGAR Anjur Sunathon Percuma



THR GEGAR bersama Poliklinik Al-Farhain Jerteh menganjurkan program Sunathon, melibatkan 30 kanak-kanak berusia 9 hingga 12 tahun yang berkhatan secara percuma.

Pengurus Jenama THR GEGAR, Eman Zaki, menyatakan kanak-kanak ini dipilih melalui pertandingan slogan khas secara dalam talian, dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.

"Ia amat bersesuaian dilakukan sewaktu cuti sekolah kerana rata-rata mereka mempunyai masa terluang lebih-lebih lagi untuk melalui proses penyembuhan selepas berkatan," katanya.



## Radio Sinar Kembalikan Tagline 'Muzik Retro Terbaik'

Radio Sinar kembali menggunakan slogan asalnya, 'Muzik Retro Terbaik' bagi memperkuat identiti sebagai stesen muzik retro utama di Malaysia.

Pengurus Jenama Sinar, Zureen Effandi, menyatakan langkah ini diambil untuk memenuhi kehendak pendengar setia dan meraih perhatian generasi baharu yang menghargai muzik era 80-an hingga awal 2000-an.

"Slogan ini pernah digunakan sebelum ini, namun kini ia diperkenalkan semula berdasarkan trend dan permintaan semasa pendengar," ujarnya.

Zureen turut menjelaskan, pemilihan lagu-lagu era 80-an dan 90-an akan terus menjadi teras kepada identiti Sinar.

## Elliot James Reay Pikat Hati Peminat Malaysia

Penyanyi antarabangsa dari Manchester, Elliot James Reay, baru-baru ini mengadakan showcase eksklusif di The Exchange TRX, Kuala Lumpur.

Elliot memukau penonton dengan lagu popular seperti Boy In Love serta lagu yang belum dikeluarkan seperti Day Dreaming dan I Can't Stay Away.

Showcase ini mencapai kemuncaknya dengan persembahan lagu hit viralnya, I Think They Call This Love, diikuti sesi fan meeting eksklusif anjuran Universal Music Malaysia.



## Laringitis Tak Halang Ernie Zakri Cipta Magis Di Konsert Solo Pertama

Penyanyi Ernie Zakri menghadapi cabaran besar pada konsert solo pertamanya, Aura Ernie Zakri Live In Concert di Dewan Plenary, KLCC, apabila diserang laringitis yang menyebabkan kehilangan suara.

Namun, Ernie tetap memberikan persembahan terbaik demi peminat, menyanyikan lebih 20 lagu, termasuk Aura, Ku Bersuara, dan Boneka.

Malam tersebut turut dimeriahkan dengan duet bersama Sabronzo, Ade Govinda dan suaminya, Syamel, serta kehadiran keluarga dan rakan selebriti seperti Ziana Zain, Anuar Zain, dan Misha Omar.





## Financial Faiz

@financialfaiz



## Seronok Dapat Baucar Penginapan? Jangan Gembira Dulu, Semak Syarat Yang Diberikan

Bila masuk musim cuti sekolah pasti ramai ibu bapa yang mahu merancang percutian bersama anak-anak. Dan pastinya, mereka akan merancang sebaik mungkin untuk memastikan semuanya berjalan lancar terutamanya tempat penginapan.

Selain memastikan penginapan yang selesa untuk seisi keluarga, ada diantara kita yang juga yang akan memastikan harga penginapan tersebut berpatutuan dan berbaloi untuk dibayar. Disinilah akan ada beberapa pihak yang akan cuba mengambil kesempatan.

Menurut pendidik Kewangan, Faiz Azmi langkah yang diambil oleh pihak ini sukar untuk dikesan oleh pihak-pihak tertentu kerana apa yang dilakukan seolah-olah benar.

Namun secara tidak sedar, pihak yang tidak bertanggungjawab ini sudah meletakkan beberapa syarat bagi menebus harga penginapan yang kita mahukan.

"Pernah tak anda dapat satu panggilan dan diminta untuk pergi ke suatu tempat untuk mendengar taklimat.

"Anda akan ke hotel, dapat makan-makan dan selepas taklimat tidak perlu beli apa-apa tapi akan dapat voucher penginapan. Sewaktu mereka mahu ajak anda itu mereka tidak akan cakap voucher tersebut penuh dengan syarat.

"Katakan satu harga bilik di Port Dickson adalah RM250, tapi anda kena bayar admin fee sebanyak RM230 apabila anda nak buat booking dengan hotel tersebut. Jadi berapa nilai voucher tersebut hanya RM20 sahaja.

"Malah anda juga yang meletakkan syarat bahawa anda hanya boleh datang pada waktu hari berkerja dan perlu membayar duit deposit sebanyak RM500," ujarnya.

Oleh itu, Faiz atau lebih dikenali sebagai Financial Faiz meminta agar pengguna berhati-hati apabila menerima panggilan dijemput ke sesi taklimat atau apabila diberikan voucher penginapan.

"Jadi anda kena berhati-hati apabila dipanggil oleh agensi untuk dengar taklimat-taklimat dan dijanjikan dengan voucher worthless.



## 31st Birthday, RM31k Gift!

A Malaysian woman surprised her husband with a giant money bouquet worth RM31,000 for his 31st birthday, sparking mixed reactions online.

While some praised the grand gesture as a symbol of appreciation for her husband's hard work and dedication, others debated the practicality of such an extravagant gift.


The unique surprise has gone viral on social media, fueling discussions about creative ways to celebrate milestones.



## From Melaka To Makkah, Seniors Pedaling For Faith

Three senior citizens from Malaysia are on an inspiring mission to cycle from Melaka to Makkah, covering a distance of over 12,000 kilometers. The journey, expected to take 9 months, is part of their spiritual pilgrimage for Umrah.

The trio, aged 61 to 64, aim to spread messages of unity and perseverance while experiencing the cultures of countries they pass through. Their journey has garnered support from Malaysians who admire their determination and faith.



## Spiderman Sings!

A busker dressed as Spiderman has captured the hearts of Malaysians with his mesmerizing voice, performing soulful songs in a full superhero suit. The mystery performer's identity remains unknown, adding intrigue to his viral social media fame.

Many netizens have praised his dedication and talent, with some saying his performances brighten their day. This unique blend of a superhero costume and angelic vocals has sparked widespread admiration online.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com).